



# Universiti Teknologi Petronas muncul juara debat antirasuah

Juwan Riduan - Jun 9, 2023 @ 12:28am  
bhnews@bh.com.my



Tan Sri Azam Baki menyampaikan hadiah kepada pendebat terbaik akhir, Nur Izzah Nasuha Zulmuksah (dua dari kanan) dari UTP. - Foto UMS

KOTA KINABALU: Universiti Teknologi Petronas (UTP) muncul juara Debat Antirasuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Piala Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2023.

Kememenangan itu hadir selepas menewaskan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada pertandingan di Dewan Resital Universiti Malaysia Sabah (UMS), hari ini.

UTP membawa pulang hadiah wang tunai RM12,000 berserta piala pusingan, trofi dan sijil, manakala UKM menerima wang tunai RM6,000, trofi dan sijil penyertaan.

Pendebat terbaik keseluruhan dimenangi Muhammad Iman Azhar daripada UKM, membawa pulang wang tunai RM1,500, manakala pendebat terbaik akhir dimenangi Nur Izzah Nasuha Zulmuksah dari UTP yang engan membawa pulang wang tunai RM1,500.

Pada pertandingan berkenaan, pasukan UKM berada di posisi kerajaan, manakala pasukan UTP berada di posisi pembangkang.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata pertandingan debat itu platform penting untuk terus melatih dan menyemarakkan bakat kepimpinan dalam kalangan anak muda di Malaysia.

Selain itu, katanya, ia bagi memberi peluang mahasiswa mengemuka dan memberikan hujahan-hujahan serta idea yang boleh membantu SPRM mewujudkan masyarakat yang benci rasuah.

"Saya sendiri merasakan bagi memotivasikan pendebat supaya bersungguh dalam gelanggang perdebatan, maka hadiah pada tahun ini digandakan," katanya berucap merasmikan majlis penutup pertandingan itu.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Kasim Mansor dalam ucapannya, berkata UMS amat berbesar hati dipilih menjadi tuan rumah pertandingan.

"Kita mengalu-alukan sebarang bentuk kerjasama yang memberikan manfaat kepada usaha memperkasa pelajar di universiti. Tahniah kepada SPRM kerana sentiasa menyokong dan menganjurkan pertandingan debat antirasuah," katanya.

Ketua Pendebat UTP, Nurul Izzah Nasuha, ketika ditemui berpendapat usaha SPRM dalam menyebarkan mesej antirasuah kepada golongan muda perlu dipergiatkan agar lebih menyeluruh.

"Saya kira pertandingan ini sangat relevan diadakan kerana melalui saya didedahkan dengan banyak info berkaitan antirasuah, selain dapat memberi pandangan sebagai suara mewakili golongan muda," katanya.

Pertandingan disertai 40 pasukan debat mewakili universiti awam dan swasta, Institusi Pendidikan Guru (IPG), Institusi Pendidikan MARA dan politeknik dari seluruh negara.